

SIARAN BERITA

MyCC MEMBERI AMARAN TERHADAP PERSATUAN TASKA DAN PENGASUH

KUALA LUMPUR, 4 Ogos 2015 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah memberi amaran kepada Persatuan Taska dan Pengasuh termasuk ahli-ahlinya yang menetapkan skala yuran secara kolektif dan menolak penentuan skala yuran secara bebas. Ini adalah kerana penetapan skala yuran bertentangan dengan Seksyen 4 Akta Persaingan (AP 2010).

Seksyen 4 daripada Akta melarang perusahaan, dari menetapkan, secara langsung atau tidak langsung suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain bagi pembelian barangan dan perkhidmatan.

Jika sesebuah perusahaan didapati bersalah atas pelanggaran Akta, MyCC boleh mengenakan penalti sehingga 10 peratus pendapatan sedunia perusahaan tersebut sepanjang tempoh pelanggaran Akta ataupun mengenakan mana-mana arahan lain yang dianggap sesuai.

Oleh itu, pihak MyCC telah mengarahkan semua Persatuan Taska dan Pengasuh serta ahli-ahlinya di seluruh Malaysia untuk menghapuskan penetapan skala yuran tersebut dengan segera. Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob berkata, "Ini bukan bermakna bahawa mana-mana taska dan pengasuh yang mahu menetapkan skala yuran secara INDIVIDU iaitu sama ada menaikkan atau menurunkan harga boleh berbuat demikian. Kenaikan harga secara bersendirian bukanlah satu amalan antipersaingan, tetapi MyCC mahu memastikan mereka membuat keputusan secara individu sama ada hendak menaikkan atau tidak berpandukan kos operasi mereka yang berbeza-beza."

Orang ramai digalakkan untuk melaporkan kepada MyCC jika mereka mempunyai apa-apa maklumat mengenai badan profesional dan / atau persatuan perdagangan yang melibatkan diri dalam penetapan yuran yang diikuti oleh anggota-anggota mereka tanpa mana-mana asas perundangan untuk berbuat demikian.

Bagi maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari www.mycc.gov.my.

---tamat---



Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan , Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: izan@mycc.gov.my

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.